



Jejak Warisan Toa Payoh adalah usaha berterusan Lembaga Warisan Negara (NHB) untuk mendokumentasikan dan memaparkan sejarah dan kenangan sosial tentang tempat-tempat di Singapura. Kami berharap susur ini dapat mengembalikan kenangan indah bagi mereka yang pernah bekerja, tinggal atau bermain di kawasan itu, dan sebagai wadah sumber maklumat yang berguna bagi pelawat dan penduduk baru.



Bandar Toa Payoh dalam pembinaan, 1967
Ihsan Lembaga Perumahan & Pembangunan

LALUAN SUSUR PENDEK YANG DICADANGKAN

Dari blok ikonik Lembaga Perumahan & Pembangunan (HDB) hingga ke tempat ibadat dan kemudahan awam, ketiga-tiga laluan bertema ini akan membawa anda mengembara dengan memaparkan evolusi reka bentuk perumahan awam serta sejarah institusi keagamaan dan masyarakat di Toa Payoh. Pilih laluan dan terokai bangunan warisan, tapak dan struktur Toa Payoh hari ini!

Perumahan Awam & Ruang Bersama (1.5 jam berjalan kaki, 4.5 km)

Sebagai bandar pertama yang dirancang dan dibina sepenuhnya oleh HDB, Toa Payoh telah berada di barisan hadapan dalam evolusi perumahan awam di Singapura. Laluan ini meneroka pembangunan seni bina blok HDB, ruang bersama dan perancangan bandar, yang mencerminkan keperluan dan aspirasi pemilik rumah Singapura selama beberapa dekad.



Mulakan perjalanan anda di Blok 53, "Blok VIP" di Lorong 5. Blok 53, dan blok-blok di sekelilingnya, adalah antara blok pertama yang dibina di bandar Toa Payoh. Dibina pada tahun 1967, blok 19 tingkat ini terkenal dengan reka bentuk berbentuk Y yang tersendiri dan menara air silinder yang begitu menonjol di atas bumbungnya. Ia mendapat reputasi sebagai "blok VIP" selepas menerima lawatan daripada perdana menteri, presiden dan raja pada tahun 1960-an dan 1970-an.



Berjalan menuju ke utara di sepanjang Lorong 4 hingga ke Lorong 1, lalu menuju ke barat ke Blok 116. Sepanjang perjalanan, perhatikan taman permainan naga yang dibina pada tahun 1985 di seberang jalan di sepanjang Lorong 1. Terkenal dengan reka bentuk luar biasa berbentuk kelawar, Blok 116 adalah unik kerana kebanyakan blok dibina berdasarkan reka bentuk linear pada awal 1960-an. Kedua-dua Blok 53 dan Blok 116 juga menampilkan koridor panjang, ciri reka bentuk awal HDB yang semakin kurang lazim hari ini.



Selepas menerokai Blok 116, berjalan menuju ke selatan melalui Lorong 1 ke The Peak @ Toa Payoh (Blok 138 hingga 139B). The Peak ialah projek pembangunan semula HDB yang disiapkan pada tahun 2012 yang menggabungkan ciri-ciri seperti taman di atas bumbung dan ruang komunal di pertengahan menara. Terus berjalan sepanjang Lorong 1 ke Blok 157, yang terletak di persimpangan Lorong 1 dan Lorong 2. Sebagai blok mercu tanda sejak tahun 1960-an, Blok 157 yang melengkung

adalah salah satu blok berbentuk separuh bulatan yang terpanjang di Singapura.

Seterusnya, bertolak dari Lorong 1 ke Lorong 6 untuk sampai ke Taman Bandar Toa Payoh, yang menempatkan Menara Peninjau setinggi 25 meter yang dipulihara oleh Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA). Disiapkan pada tahun 1970-an, kepopuleran taman ini menyebabkan HDB memperuntukkan plot tanah yang besar untuk taman di setiap bandar perumahan awam yang mengikutinya. Tasik yang indah, jambatan dan pelbagai kehidupan tumbuhan yang menghiasi taman itu sering menjadi latar belakang untuk foto perkahwinan pada tahun 1970-an dan 1980-an.



Menyeberangi Lorong 6 dan berjalan melalui HDB Hub ke arah Toa Payoh Central. Lihat ke utara untuk mendapatkan pemandangan Central Horizon (Blok 79A hingga 79E), yang ketara dengan 'mahkota' emas pada setiap blok. Dibina pada tahun 1960-an, Blok 79 setinggi 10 tingkat yang pada asal adalah salah satu blok penghuni terpanjang di Singapura ketika itu - sepanjang 296 meter. Blok 79 telah dibangunkan semula pada tahun 2003 sebagai sebahagian daripada Skim Pembangunan Semula Yang Terpilih Secara Berkelompok (SERS) memenuhi keperluan perumahan baharu, sehingga menjadi lima blok 40 tingkat yang memenangi anugerah.

Di pusat bandar, anda akan menemui empat blok tinggi selaku mercu tanda Bekas Perkampungan Sukan Semenanjung Asia Tenggara (SEAP) 1973 (Blok 175, 179, 191 dan 193). Sebelum apartmen eksekutif dan maisonet, blok tinggi ini merupakan flat HDB yang paling hangat dalam pasaran kerana saiz dan privasi yang terdapat pada reka bentuknya. Blok tinggi ini menempatkan atlet semasa Sukan SEAP 1973 dan kemudiannya dijual kepada orang ramai lengkap dengan perabot.

Akhir sekali, tuju ke timur di sepanjang Lorong 5 dan Toa Payoh East, kemudian ke selatan melalui tempat letak kereta blok 29, ke Taman Permainan Naga Toa Payoh. Direka bentuk dan dibina oleh HDB, taman permainan dengan kepala bersalut terazo dan badan bercincin ini telah menjadi salah satu ikon budaya Singapura yang paling dikenali.



Iman & Kepercayaan (2 jam menggunakan pengangkutan awam, 6 km)

Sejak di kampung dahulu hingga kini, institusi keagamaan telah wujud dan terus kekal di Toa Payoh. Laluan ini membawa anda ke kuil, masjid, gereja dan institusi yang mewakili pelbagai masyarakat yang tinggal, bekerja dan beribadat di Toa Payoh.



Mulakan perjalanan anda di Biara Lian Shan Shuang Lin, biara Buddha tertua di Singapura. Disiapkan pada tahun 1909, biara ini termasuk Dewan Raja-Raja Langit dan Dewan Mahavira, yang secara kolektif diwartakan sebagai Monumen Negara pada tahun 1980. Pekarangan biara itu juga menempatkan Kuil Shuang Lin Cheng Huang, yang merupakan kuil Tao yang diuruskan oleh sami Buddha biara.



Selepas meninjau biara, teruskan ke utara menuju ke Lorong 8 ke Kuil Sri Vairavimada Kaliannan. Pada asalnya terletak di sepanjang Orchard Road, kuil Hindu ini berpindah ke Toa Payoh pada tahun 1982. Dewa utama kuil ini ialah Kali, yang arcaanya menduduki kedudukan tengah dalam gopuram (menara pintu masuk) kuil yang megah ini.

Tuju ke utara, ke arah Lorong 8A melalui Lorong 7, ke United Five Temples (Lima Kuil Bersatu) of Toa Payoh. Disiapkan pada tahun 1974, kuil Tao ini menempatkan lima kuil yang diasaskan pada zaman silam kampung Toa Payoh. Lima Kuil Bersatu adalah yang pertama di Singapura menghimpunkan kuil-kuil daripada kumpulan dialek Cina yang berbeza dan menempatkan dewa-dewa yang berbeza dalam satu pekarangan.



Kemudian tuju ke barat melalui Lorong 6 ke Toa Payoh Seu Teck Sean Tong. Kuil ini menempatkan Song Da Feng sebagai dewa utamanya dan telah mengamalkan tradisi Tao, Buddha dan Confucius sejak penubuhannya pada tahun 1942. Ia juga termasuk kemudahan yang menempatkan tablet nenek moyang dan Klinik Perubatan Tradisional Cina yang menyediakan rawatan perubatan percuma kepada semua, tanpa mengira bangsa atau agama.

Seterusnya, berjalan melalui Lorong 6 menuju ke Braddell Road ke Masjid Muhajirin. Dibuka pada tahun 1977, masjid ini adalah yang pertama dibina dengan sokongan daripada masyarakat dan Dana Pembinaan Masjid (MBF), yang merangkumi sumbangan daripada Muslim yang bekerja di seluruh Singapura. Menampilkan motif

geometri dan bunga yang bercirikan reka bentuk Islam pada pelapis dinding luar dan penghadangnya, masjid ini berkongsi kawasannya dengan ibu pejabat Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan Madrasah Irsyad Zuhri Al-Islamiah hari ini.



Dari Masjid Muhajirin, naik bas dari seberang Braddell Road atau berjalan ke selatan melalui Lorong 6 dan Lorong 4 ke gereja Church of the Risen Christ. Gereja Katolik ini ditubuhkan pada tahun 1971 dan secara tradisinya menawarkan Misa dalam bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, ia juga telah menarik umat dari Myanmar, Indonesia dan Filipina.



Pergi ke barat sepanjang Toa Payoh Central ke Gereja Methodist Toa Payoh. Institusi ini berakar umbi di sebuah klinik dan tadika percuma yang ditubuhkan oleh sekumpulan penganut Kristian pada lewat tahun 1960-an. Bangunan gereja itu dibina pada tahun 1973 menggunakan dana yang dikumpul oleh masyarakat Methodist.



Akhir sekali, seberangi Lorong 2 dan tuju ke timur ke pusat bandar hingga sampai di Tokong Pokok di Blok 177, juga dikenali sebagai Ci En Ge. Sejak zaman silam kampung Toa Payoh, pokok beringin ini, di mana terletaknya tokong ini, telah dianggap sebagai suci. Hari ini, tokong ini didedikasikan kepada dewa Tao Tian Gong, Guan Yin, Datuk Kong dan Tua Pek Kong.

Institusi Masyarakat & Ruang Bersama (0.5 jam berjalan kaki, 1.5 km)

Selama beberapa dekad, institusi masyarakat dan ruang bersama telah meninggalkan kesan yang tidak dapat dilupakan dalam ingatan penduduk dan pengunjung Toa Payoh. Laluan ini membawa anda ke institusi dan ruang yang terus memainkan peranan aktif dalam kehidupan sukan, budaya dan sosial penduduk dan warga Singapura.



Mulakan perjalanan anda di Kompleks Sukan Toa Payoh, yang terdiri daripada Stadium Toa Payoh, Dewan Sukan, Pusat Sukan dan Kompleks Renang. Kompleks itu dibina tepat pada masanya untuk Sukan Semenanjung Asia Tenggara (SEAP) 1973. Sepanjang beberapa dekad, kemudahan sukan ini telah kerap digunakan oleh atlet dalam pertandingan seperti Kejohanan Renang Sekolah Kebangsaan, dan juga untuk kegiatan kemasyarakatan.

perancar langit ini adalah salah satu daripada empat tempat tinggal atlet semasa Sukan SEAP 1973 dan jarak blok yang dekat dengan kemudahan harian seperti pawagam dan pusat penjaja membolehkan mereka mengalami secebis kehidupan Singapura. Hari ini, blok ini lebih terkenal dengan menganjurkan permainan yang dikenali serantau sebagai dam di kolong blok, yang sering menghimpunkan pemain dan penonton yang bersemangat.



Tuju ke utara di Lorong 4 ke Institut Perubatan Chung Hwa, yang dibuka di Toa Payoh pada tahun 1978. Ditubuhkan sebagai klinik Perubatan Tradisional Cina (TCM) percuma di Persatuan Chung Shan pada tahun 1952, anggota masyarakat daripada semua lapisan masyarakat menyumbang dana untuk membina bangunan yang berdiri sekarang ini. Sejak itu, ia telah mengembangkannya ke dalam pelbagai bidang TCM dan terus menyediakan rawatan kos rendah kepada pesakit daripada semua latar belakang.



Berjalan kaki seketika ke barat di sepanjang pusat membeli-belah pejalan kaki di pusat bandar ke Tokong Pokok di Blok 177, juga dikenali sebagai Ci En Ge. Tokong pokok ini didirikan oleh penganut di kaki pokok beringin yang telah dianggap suci sejak zaman silam kampung Toa Payoh. Tokong ini terletak di Tengah-Tengah kesibukan harian Toa Payoh Central dan telah menarik penganut dari luar Toa Payoh.



Akhir sekali, tuju ke utara di Lorong 2 untuk sampai ke Persekutuan Persatuan Puak Cina Singapura (SFCCA). SFCCA diasaskan oleh tujuh persatuan puak dan dimulakan secara rasmi pada tahun 1986. Setelah memindahkan ibu pejabatnya ke Toa Payoh pada tahun 1997, SFCCA mempromosikan budaya Cina Singapura melalui acara, pameran dan penerbitan, serta membiayai biasiswa dan dermasiswa untuk pelajar dan banduan yang kurang bernasib baik. SFCCA juga menempatkan galeri warisan yang membolehkan pelawat menerokai sejarah kumpulan yang pelbagai dalam masyarakat Cina, serta perayaan dan amalan budaya Cina tempatan.



Selanjutnya, teruskan sepanjang Lorong 4 dan tuju ke barat melalui Toa Payoh Central ke Blok 179 di mana terletaknya Bekas Perkampungan Sukan SEAP 1973. Blok

Of Public Housing & Shared Spaces
Of Faiths & Beliefs
Of Community Institutions & Common Spaces



HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES

- 
 BLOCK 53, THE "VIP BLOCK"
- 
 CHUNG HWA MEDICAL INSTITUTION
- 
 CHURCH OF THE RISEN CHRIST
- 
 FORMER 1973 SEAP GAMES VILLAGE
- 
 LIAN SHAN SHUANG LIN MONASTERY
- 
 MASJID MUHAJIRIN
- 
 SINGAPORE FEDERATION OF CHINESE CLAN ASSOCIATIONS
- 
 SRI VAIRAVIMADA KALIYAMMAN TEMPLE
- 
 TOA PAYOH DRAGON PLAYGROUND
- 
 TOA PAYOH METHODIST CHURCH
- 
 TOA PAYOH SEU TECK SEAN TONG
- 
 TOA PAYOH SPORTS COMPLEX
- 
 TOA PAYOH TOWN PARK
- 
 TREE SHRINE AT BLOCK 177
- 
 UNITED FIVE TEMPLES OF TOA PAYOH

All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

©2023 National Heritage Board. All rights reserved.



Scan here to learn more on Roots.gov.sg